

02 JUL 1999

Mahathir-Pelabur

MALAYSIA DI LANDASAN BETUL KE ARAH PERTUMBUHAN: MAHATHIR

PULAU PINANG, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara kini berada di atas landasan yang betul ke arah pertumbuhan dan seharusnya mencapai pertumbuhan positif dalam suku kedua tahun ini seperti yang dijangkakan.

Setelah menguncup kira-kira 10 peratus pada suku terakhir tahun lepas dan 1.3 peratus bagi suku pertama tahun ini, pertumbuhan yang positif dari suku kedua dan seterusnya akan menjadikan negara ini lebih menarik kepada pelabur jangka panjang, katanya.

Beliau berucap pada perasmian bangunan baru "PG8" Intel Teknologi Sdn Bhd berharga RM543 juta di Bayan Baru di sini.

Dr Mahathir berkata pembukaan kemudahan Intel itu menunjukkan keyakinan syarikat Amerika itu terhadap iklim ekonomi negara ini.

Beliau percaya lebih banyak syarikat yang serius seperti Intel akan berkembang akan membuka kemudahan masing-masing di negara ini kerana segala-galanya menunjukkan ke arah pemulihan ekonomi negara yang sepenuhnya.

"Malaysia telah dan akan sentiasa menyambut baik pelabur yang serius dan bercorak jangka panjang ke negara ini kerana mereka telah menjadikan ekonomi kukuh dan mengadakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata para pelabur itu juga telah membantu orang ramai mencapai tahap kecanggihan yang lebih tinggi, berubah daripada hanya pengeluaran makanan dan minuman kepada pengeluaran berteknologi tinggi sama seperti pelabur asing.

"Kerajaan dan rakyat Malaysia amat menghargai keyakinan yang ditunjukkan dan kerja baik yang dibuat oleh pelabur jangka panjang yang serius selama ini sejak negara mencapai kemerdekaan," katanya.

"Kita akan sentiasa mengalu-alukan orang yang baik, "orang yang baik". Sila datang ke Malaysia."

Walaupun ia mengalu-alukan dan terus mengalu-alukan pelabur seperti itu, Dr Mahathir berkata kerajaan berwaspada dengan pelabur jangka pendek yang datang hanya untuk mengaut keuntungan jangka pendek dan meninggalkan negara sebaik sahaja mereka mendapati keadaan tidak lagi selesa seperti yang mereka nikmati sebelumnya.

Beliau berkata negara mampu mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih baik jika kestabilan politik dan ekonomi terus menyerlah di Malaysia, jika keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaumnya diberikan perhatian sewajarnya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedar kekacauan tidak berhenti-henti di negara ini sebagaimana dilihat berlaku di negara-negara seperti Kosovo dan Ireland Utara, hanya akan menyaksikan pelabur lari dari negara ini.

Beliau berkata atas alasan inilah kerajaan terus memberikan penekanan kepada kestabilan politik dan keharmonian antara kaum di negara ini dengan memastikan sebuah kerajaan yang baik dan kukuh.

"Kerana kestabilan inilah syarikat-syarikat seperti Intel dengan pelaburan lebih RM6 bilion dan tenaga kerja kira-kira 8,000, Motorola dengan lebih 10,000 pekerja, dan syarikat Jepun dengan pelaburan besar telah datang dan terus datang ke sini berulang kali," katanya.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat ini tahu mengenai keadaan sebenar di Malaysia, bahawa negara ini adalah stabil dengan dasar yang konsisten dan tenaga kerjanya bersedia untuk menerima sebarang cabaran.

Malaysia yakin Wawasan 2020 dapat dicapai dengan sokongan berterusan rakyatnya dan keyakinan pelabur asing jangka panjang yang serius terhadap keupayaan negara ini untuk mencapai kejayaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga menyambut baik penyertaan yang lebih besar oleh pelabur asing dan tempatan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang dibangunkan di Kuala Lumpur.

Kerajaan sedang melakukan segala yang mungkin terutama daripada segi mewujudkan tenaga terlatih untuk memenuhi keperluan MSC, dan mereka mempunyai kemampuan untuk menyerap pengetahuan dalam teknologi tinggi.

Dr Mahathir mengulangi jaminan bahawa campur tangan kerajaan dalam pembangunan kawasan MSC adalah pada tahap yang paling minimum.

"Kita akan membantu pelabur untuk berkembang di kawasan MSC.

"Hubungan antara kerajaan dan sektor swasta adalah amat rapat dan kerajaan menganggap sektor swasta yang mengambil bahagian itu sebagai rakan," katanya.

Perdana Menteri berharap para pelabur yang sudah berada di negara ini akan menyebarkan mesej itu ke luar negara supaya MSC akan dibangunkan sebagaimana yang dijangkakan.

Pada persidangan berita kemudiannya, Dr Mahathir berkata media asing telah kehilangan kredibilitinya selepas gagal dalam usaha merosakkan negara ini. Semakin ramai pelabur kini sedar bahawa laporan buruk mengenai negara ini adalah tidak benar.

Beliau berkata beliau terpaksa menjawab terhadap banyak kenyataan buruk yang ditulis mengenai negara ini yang telah menjejaskan kedatangan pelabur. Kemasukan pelabur kini adalah hasil daripada tindakan kerajaan itu.

Presiden dan Pengarah Urusan Intel Malaysia Wong Siew Hai dalam ucapan alu-aluannya berkata infrastruktur yang cemerlang dan sokongan yang berterusan daripada kerajaan pusat dan negeri telah menjadikan Malaysia negara yang sangat sesuai untuk perniagaan.

"Kami sudah komited kepada Malaysia, dan berasa gembira dapat memainkan peranan dalam pembangunan syarikat pembuatan Malaysia," katanya.

Intel, pembuat cip komputer terbesar dunia, telah beroperasi di Malaysia sejak 1972 dengan kelengkapan kelas satu di sini dan di Kulim. Ia sehingga kini telah melabur US\$1.6 bilion di Malaysia dan kini mempunyai lebih 8,000 pekerja.

Syarikat itu dijangka melabur US\$140 juta lagi di negara ini tahun ini. (US\$1 = RM3.80)

-- BERNAMA

AHH RHM NMO